



Rujukan Kami : JUPEM 18/7/2.148 (69)

Tarikh: 13 Mei 2005

Semua Pengarah Ukur Topografi
Pengarah Ukur Seksyen (Penawanan Data)
Pengarah Ukur Seksyen (Perkhidmatan Pemetaan)
Pengarah Ukur Seksyen (Kartografi)
Ketua Penolong Pengarah Ukur (Pangkalan Data)
Ketua Penolong Pengarah (Percetakan Peta)

**PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BIL. 1 TAHUN 2005**

GARIS PANDUAN KAEDAH PENOMBORAN SIRI PETA

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk mengedarkan Garis Panduan Kaedah Penomboran Siri Peta yang menjelaskan mengenai kaedah penomboran siri peta bagi peta-peta terbitan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) serta agensi-agensi di bawah Jawatankuasa Pemetaan dan Data Spatial Negara (JPDSN).

2. LATAR BELAKANG

2.1 JUPEM adalah agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk menerbitkan peta-peta topografi di Malaysia bagi kegunaan pihak keselamatan dan awam. Di samping itu, JUPEM serta agensi-agensi di bawah JPDSN juga menguruskan penerbitan peta-peta tematik masing-masing secara berterusan.

- 2.2 Pada masa sekarang, nombor siri peta ditetapkan sendiri oleh agensi penerbit mengakibatkan penomboran siri peta yang tidak konsisten serta tidak membolehkan sesuatu rekod lengkap berkaitan penerbitan peta-peta tersebut disediakan secara berpusat.
- 2.3 Sehubungan dengan itu, adalah wajar satu kaedah penomboran siri peta yang lengkap dan seragam disediakan untuk diguna pakai oleh JUPEM dan agensi-agensi di bawah JPDSN.
- 2.4 Cadangan kaedah penomboran siri peta ini telah dibentangkan di Mesyuarat Ke-56 JPDSN pada 14 Mac 2005 yang lalu dan pada dasarnya Jawatankuasa tersebut telah bersetuju untuk menerima pakai kaedah tersebut.

3. PELAKSANAAN

Pelaksanaan kaedah penomboran siri peta akan membolehkan agensi-agensi lain yang menyediakan peta menggunakan nombor siri peta yang seragam. Pada masa yang sama, penyelenggaraan rekod penomboran siri peta rumpun terbitan JUPEM dan agensi-agensi di bawah JPDSN akan dapat dilaksanakan dengan sistematik.

4. KAEDAH PENOMBORAN SIRI PETA

Kaedah penomboran siri peta bagi peta-peta yang diterbitkan oleh JUPEM dan agensi-agensi di bawah JPDSN adalah berdasarkan Garis Panduan Kaedah Penomboran Siri Peta yang disertakan dalam **LAMPIRAN A**.

5. PEMAKAIAN

JUPEM akan menggunakan kaedah penomboran ini secara keseluruhannya dan agensi-agensi di bawah JPDSN disarankan supaya menggunakan kaedah yang sama dalam menerbitkan peta masing-masing.

6. TARIKH KUATKUASA

Pemakaian pekeliling ini hendaklah dikuatkuasakan mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' HAMID BIN ALI)
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia

Salinan kepada:

Edaran dalaman:

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Pengarah Ukur Bahagian Pemetaan
Pengarah Ukur Bahagian Kadaster
Semua Pengarah Ukur Negeri
Urus Setia, Jawatankuasa Pemetaan dan Data Spatial Negara

Edaran luaran:

Semua Ahli Jawatankuasa Pemetaan dan Data Spatial Negara



*JABATAN UKUR DAN PEMETAAN
MALAYSIA*

Garis Panduan Kaedah Penomboran Siri Peta

KANDUNGAN

PERKARA

MUKASURAT

KANDUNGAN

i

TUJUAN

1

SKOP

1

KAEDAH PENOMBORAN

1

TATACARA PENOMBORAN DAN
DOKUMENTASI

4

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menetapkan kaedah mengenai penomboran siri peta bagi peta-peta yang diterbitkan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan agensi pengeluaran peta lain di bawah Jawatankuasa Pemetaan dan Data Spatial Negara (JPDSN).

2. SKOP

Bahagian Pemetaan, JUPEM akan mengguna pakai garis panduan ini bagi memastikan keseragaman nombor siri setiap peta topografi, peta bandar dan peta tematik yang diterbitkan. Di samping itu, kaedah penomboran siri peta ini juga dipanjangkan pemakaiannya kepada agensi-agensi di bawah JPDSN yang menerbitkan peta supaya membolehkan penyelenggaraan rekod penomboran siri peta rampaian terbitan JUPEM dan agensi lain diuruskan dengan mudah dan sistematik secara berpusat.

3. KAEDAH PENOMBORAN

Nombor siri sesuatu peta hendaklah terdiri dari lima (5) elemen iaitu *prefix*, skala, wilayah/kawasan, nombor giliran dan kod jenis. Penjelasan bagi setiap elemen adalah seperti berikut:

3.1 **Prefix:** merujuk kepada penggunaan singkatan kepada nama negara MALAYSIA iaitu 'MY' yang diperuntukkan dalam dokumen *ISO 3166 - Country Codes* (rujuk **Lampiran A**).

3.2 **Skala:** Penggunaan julat skala yang merujuk kepada konvensyen antarabangsa yang sedang digunapakai sekarang dengan pengubahsuaian iaitu:

- 1 - 1:5,000,000 dan lebih kecil
- 2 - 1:1,000,000 hingga lebih besar dari 1:5,000,000
- 3 - 1:500,000 hingga lebih besar dari 1:1,000,000
- 4 - 1:100,000 hingga lebih besar dari 1:500,000
- 5 - 1:50,000 hingga lebih besar dari 1:100,000
- 6 - 1:25,000 hingga lebih besar dari 1:50,000
- 7 - Lebih besar dari 1:25,000

- 8 - Peta Bandar (Pelbagai Skala)
- 9 - Peta Tematik (Pelbagai skala)

3.3 **Wilayah/Kawasan:** satu digit angka dengan merujuk kepada wilayah/kawasan kecil seperti berikut:

- 0 - Digunakan bagi peta yang meliputi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia sahaja
- 1 - Digunakan bagi peta yang meliputi negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja
- 2 - Digunakan bagi peta yang meliputi kawasan wilayah Malaysia atau negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan¹ dalam satu lembar peta
- 3 - Digunakan bagi peta yang meliputi wilayah Malaysia dan negara-negara jiran di sekitarnya

¹ Nota: Tiada pengasingan di antara bahagian timur dan barat Malaysia di mana hanya satu kod sahaja digunakan bagi peta-peta yang meliputi sebahagian dari Malaysia seperti peta negeri-negeri.

3.4 **Nombor Giliran:** satu (1) atau tiga (3) digit angka yang digunakan untuk menunjukkan bilangan sesuatu nombor siri bagi jenis peta yang meliputi kawasan dan julat skala yang sama seperti berikut:

- (a) Nombor giliran bermula dengan angka **1** hingga **9** bagi peta-peta topografi, peta bandar dan peta tematik (kecuali peta rampaian) yang diterbitkan oleh JUPEM.
- (b) Nombor giliran bermula dengan angka 001 sehingga 999 bagi peta rampaian. Peruntukan bilangan nombor yang lebih ini adalah untuk menampung kegunaannya oleh JUPEM serta agensi-agensi lain di bawah JPDSN yang dijangkakan bertambah dari semasa ke semasa.

Melalui penggunaan kaedah penomboran siri peta ini oleh JUPEM dan semua agensi lain di bawah JPDSN yang menerbitkan peta (peta rampaian), maka penomboran semua siri peta bagi seluruh Malaysia akan dapat diselaraskan.

- 3.5 **Kod Jenis:** merupakan satu abjad yang digunakan untuk merujuk kepada jenis peta. Kod Jenis adalah merupakan elemen baru yang dicadangkan untuk digunakan dalam penentuan siri peta yang dikeluarkan oleh JUPEM serta agensi pengeluaran peta lain di bawah JPDSN.

Cadangan kod jenis yang boleh digunakan termasuk menggabungkan Peta Am dan Peta Rampaian menjadi satu dan dikenali sebagai Peta Rampaian adalah seperti berikut:

- T** - Peta Topografi dan Peta Bandar **Terhad**
- A** - Peta Topografi tidak terhad (**Am**)
- B** - Peta **Bandar** tidak terhad
- R** - Peta **Rampaian**
- L** - Peta **Laporan**
- P** - Peta Ortho**Photo**
- U** - Peta **Utiliti** bawah tanah

- 3.6 Dua (2) contoh nombor siri peta baru adalah seperti berikut:

- (a) Nombor siri peta baru bagi siri peta daerah di Semenanjung Malaysia ialah **MY90001R**; penjelasan adalah seperti di bawah:

Prefix: **MY**

Kod Skala: **9** – peta tematik pelbagai skala selain peta bandar

Kod Wilayah/Kawasan: **0** – bagi wilayah Semenanjung Malaysia

Nombor Giliran: **001** – bilangan siri pertama

Kod Jenis peta: **R** – Rampaian

- (b) Nombor siri peta baru bagi siri peta topografi tidak terhad berskala 1:25,000 di Sabah ialah **MY612A**; penjelasan adalah seperti di bawah:

Prefix: **MY**

Kod Skala: **6** - peta berskala 1:25,000 sehingga lebih besar daripada 1: 50,000

Kod Wilayah/Kawasan: **1** - bagi wilayah Sabah dan Sarawak

Nombor Giliran: **2** - bilangan siri kedua

Kod Jenis peta: **A** - peta topografi tidak terhad

4. TATACARA PENOMBORAN DAN DOKUMENTASI

- 4.1 Semua permohonan nombor sesuatu siri peta baru yang diterbitkan oleh agensi di bawah JPDSN hendaklah dirujuk kepada Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia selaku Pengarah Pemetaan Negara untuk kelulusan penetapan nombor siri peta dan juga urusan pendokumentasian. Maklumat lengkap Agensi serta peta meliputi jenis, skala dan kawasan yang dipetakan hendaklah dinyatakan dalam permohonan seperti contoh di **Lampiran B**.

Sebarang kemusykilan berkenaan kaedah penomboran siri peta ini hendaklah dirujuk kepada:

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM),
Tingkat 1, Bangunan Ukur,
Jalan Semarak,
50578 KUALA LUMPUR
[U.P.: Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan)]

No. Tel: 03-26170800
No. Faks: 03-26933618
E-mail: usetiapeta@jupem.gov.my

- 4.2 Satu daftar yang dinamakan **Daftar Siri Peta** bagi merekod dan mengawal pengeluaran nombor siri peta hendaklah disediakan seperti format di **Lampiran C**. Daftar ini akan diuruskan penyelenggaraan dan penyimpanannya oleh Seksyen Perkhidmatan Pemetaan, Bahagian Pemetaan, JUPEM selaku Urus Setia JPDSN.

ISO 3166 - Country Codes (part)

This file lists the codes for each country provided in ISO 3166. There are two tables: [existing codes](#) and [withdrawn codes](#) (codes can be withdrawn because the country no longer exists, the name has significantly changed, or one or more codes has altered).

Each country or territory has three codes:

- a two letter code
- a three letter code
- a three digit code

The numeric code identifies a physical territory, and the letters a country name. Thus when Germany reunified, it kept DE/DEU but changed from 280 to 276, while when Southern Rhodesia was renamed Zimbabwe it stayed 716 but changed from RH/RHO to ZW/ZWE.

Table 1: current codes (part)

LS	LSO	426	Lesotho, Kingdom of
LR	LBR	430	Liberia, Republic of
LY	LBY	434	Libyan Arab Jamahiriya
LI	LIE	438	Liechtenstein, Principality of
LT	LTU	440	+f Lithuania
LU	LUX	442	Luxembourg, Grand Duchy of
MO	MAC	446	Macao, Special Administrative Region of China
MK	MKD	807	+l Macedonia, the former Yugoslav Republic of
MG	MDG	450	Madagascar, Republic of
MW	MWI	454	Malawi, Republic of
MY	MYS	458	Malaysia
MV	MDV	462	Maldives, Republic of
ML	MLI	466	Mali, Republic of
MT	MLT	470	Malta, Republic of
MH	MHL	584	+z Marshall Islands
MQ	MTQ	474	Martinique
MR	MRT	478	Mauritania, Islamic Republic of
MU	MUS	480	Mauritius
YT	MYT	175	+k Mayotte
MX	MEX	484	Mexico, United Mexican States
FM	FSM	583	+z Micronesia, Federated States of

LAMPIRAN B

Nama Agensi
Alamat Agensi

Ruj. Kami:
Tarikh:

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)
Tingkat 1, Bangunan Ukur,
Jalan Semarak,
50578 KUALA LUMPUR

[u.p.: Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan)]

Tuan,

PERMOHONAN NOMBOR SIRI PETA

Sukacita saya bagi pihak <***nama agensi***> memaklumkan bahawa pihak kami bercadang untuk/sedang menerbitkan peta <***jenis peta***> pada skala <***skala peta***> bagi kawasan <***nama kawasan***>.

2. Sehubungan itu, sukacita kiranya dapat pihak tuan bekalkan nombor siri bagi peta berkenaan untuk kegunaan pihak kami selanjutnya.
3. Kerjasama pihak tuan amat dialu-alukan dan didahului dengan terima kasih.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Tandatangan
Nama
Jawatan

LAMPIRAN CContoh **Daftar Siri Peta**KOD SKALA: **7** (Lebih besar dari 1:10,000)KOD JENIS: **T** (Peta Topografi versi Terhad)

Bil.	Tarikh	No. Siri Peta	Skala	Kawasan	Penerbit	Catitan
1.	06.11.2004	MY711T	1:1,250	W.P. Labuan	Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Bangunan Ukur, Jalan Semarak, 50578 KUALA LUMPUR	Rujukan kelulusan: JUPEM.BP.
2.						
3.						
4.						
5.						
6.						
7.						
8.						
9.						
10.						
11.						
12.						
13.						
14.						
15.						